

17 NOV 2000

Kyrgyz-Perjanjian

M'SIA, KYRGYZ TANDATANGANI TIGA PERJANJIAN

PUTRAJAYA, 17 Nov (Bernama) -- Malaysia and Republik Kyrgyz hari ini menandatangani tiga perjanjian untuk mempertingkatkan lagi hubungan dua hala.

Perjanjian-perjanjian itu ialah untuk mengenai cukai bertindih, pengangkutan udara dan kerjasama pelancongan.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir mewakili Malaysia manakala Republik Kyrgyz diwakili oleh Menteri Luarnya Muratbek Imanaliev.

Majlis menandatangani perjanjian itu disaksikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Republik Kyrgyz Amangeldi Muraliev.

Terdahulu, Muraliev yang tiba hari ini untuk lawatan kerja tiga hari, memeriksa perbarisan kehormat oleh anggota Batalion Pertama Askar Melayu Diraja dari Kem Sungai Besi.

Sebelum itu, beliau mengunjungi Dr Mahathir di Pejabat Perdana Menteri di sini.

Mereka membincangkan mengenai usaha mempereratkan lagi hubungan antara kedua-dua negara, demikian menurut pegawai Wisma Putra.

Muraliev yang diiringi rombongan 35 orang anggota akan berlepas ke Langkawi Ahad ini untuk menghadiri Dialog Antarabangsa Langkawi (LID).

-- BERNAMA

APG ZS MAI